

1981

KUALA LUMPUR, 16 DIS. (BERNAMA) - DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MEMBERI AMARAN PIHAK POLIS AKAN MENGAMBIL TINDAKAN KERAS TERHADAP MANA-MANA PIHAK YANG MENCEDARKAN SATU RISALAH YANG MEMBANGKIT-BANGKITKAN PERASAAN BENCI RAKYAT, KHUSUSNYA ORANG MELAYU, TERHADAP KERAJAAN YANG WUJUD YANG MERUPAKAN KERAJAAN CAMPURAN.

PERDANA MENTERI MENEGASKAN KERAJAAN SEDAR BAHAWA TUJUAN POLITIK RISALAH TERSEBUT IALAH MEMINTA RAKYAT MELAYU SUPAYA JANGAN MENYOKONG PARTI YANG BEKERJASAMA DENGAN KAUM-KAUM LAIN.

BERCAKAP KEPADA PARA PEMBERITA DI SINI, BELIAU MERANGKAI RISALAH TERSEBUT DIDAPATI MULA DIEDARKAN PADA TAHUN 1978, IAITU SEMASA PILIHANRAYA UMUM LALU.

+RISALAH ITU ASALNYA KONON DITULIS DALAM BAHASA INGGERIS OLEH KUMPULAN ORANG CINA YANG BERHAJAT MEREbut KUASA DINEGARA INI DAN OLEH ITU MENDESAK ORANG-ORANG CINA SUPAYA BERSATU-PADU BAGI MEREbut KUASA BAGI PIHAK MEREKA+.

KATANYA, MENURUTNYA RISALAH TERSEBUT TELAH JATUH KE TANGAN MELAYU, DITERJEMAH DAN DIEDARKAN SECARA MELJAS KEPADA ORANG-ORANG MELAYU DENGAN NASIHAT SUPAYA MENYALINNYA DAN MENCEDARKAN SALINANNYA KEPADA ORANG-ORANG MELAYU YANG LAIN. --BERSAMBUNG 1620/MD.

B569

MAHATHIR-RISALAH 2 KUALA LUMPUR

PERDANA MENTERI BERKATA TUJUAN RISALAH ITU IALAH UNTUK MEMBANGKITKAN PERASAAN BENCI ANTARA ORANG MELAYU DENGAN CINA, IAITU MENIMBULKAN SENTIMEN PERKAUMAN YANG AKAN MEMBAWA KEPADA PERPECAHAN KAUM DAN PERPADUAN DI NEGARA INI.

KATANYA PIHAK POLIS TELAH PUN MENGHARAKKAN RISALAH TERSEBUT SEJAK TAHUN 1978 TETAPI IA MASIH TERUS DIEDARKAN LAGI.

MENURUTNYA SETELAH DIEDARKAN, BANYAK TAMBAHAN BARU DIMASUKKAN KE DALAM RISALAH TERSEBUT SEPERTI ISSU TIMBALAN PERDANA MENTERI KEDUA DAN JUGA ISSU UNIVERSITI MERDEKA.

SELAIN DARI ORANG-ORANG MELAYU BIASA, RISALAH ITU JUGA DIHANTAR KEPADA PARA PELAJAR MELAYU DI SEBERANG LAUT DAN INI TELAH MENIMBULKAN KERAGUAN DI KALANGAN MEREKA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA KERAJAAN MASIH BELUM DAPAT MEMASTIKAN SIAPA YANG MULA MENCEDARKAN RISALAH TERSEBUT.

+BAGAIMANAPUN, KERAJAAN MENGESYAKI ADA GOLONGAN YANG BERBUAT DEMIKIAN DENGAN TUJUAN MEMECAH-BELAH DAN MENIMBULKAN SENTIMEN PERKAUMAN DENGAN MENYALAHKAN PARTI YANG MENGADAKAN KERJASAMA ANTARA KAUM+.

TAMBAHNYA, SETAKAT INI, TIDAK ADA SEORANGPUN YANG DITANGKAP KERANA MENCEDARKAN RISALAH ITU. --BERNAMA 1624/MD